

**D.R. 24/2008**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Penyelarasan Pencen 1980.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2008.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), Akta ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2009.

(3) Seksyen 2 dan 3 dan subseksyen 9(4) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

**Pindaan seksyen 1**

**2.** Akta Penyelarasan Pencen 1980 [*Akta 238*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 1—

(a) dalam subseksyen (2)—

(i) dalam perenggan (*d*), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan noktah; dan

(ii) dengan memotong perkataan “yang bermastautin di Malaysia.”; dan

(b) dengan memotong subseksyen (3) dan (4).

**Pindaan seksyen 2**

3. Seksyen 2 Akta ibu dipinda dengan memotong takrif “bermastautin di Malaysia”.

**Pindaan seksyen 4**

4. Subseksyen 4(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “mana-mana tempoh yang tersebut dalam subperenggan (a), (b) atau (c) perenggan 1 Jadual Kedua” dengan perkataan “tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraan seseorang pegawai atau tarikh sebaik selepas tarikh kematian pegawai dalam perkhidmatan”.

**Pindaan seksyen 5**

5. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Jadual Ketiga” dengan perkataan “Jadual Kedua”;
- (b) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “dan Jadual Ketiga, pembayaran pencen terbitan atau elaun persaraan terbitan itu selepas habisnya mana-mana tempoh yang tersebut dalam subperenggan (a), (b), (c) atau (d) perenggan 1 Jadual Ketiga” dengan perkataan “dan Jadual Kedua, pembayaran pencen terbitan atau elaun persaraan terbitan itu selepas habisnya tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraan pegawai atau tarikh sebaik selepas tarikh kematian pegawai dalam perkhidmatan”; dan
- (c) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “Jadual Ketiga” dengan perkataan “Jadual Kedua”.

**Pindaan Jadual Pertama**

6. Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan angka “300” di mana-mana jua ia terdapat dengan angka “360”.

## Penggantian Jadual Kedua

7. Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan jadual yang berikut:

“JADUAL KEDUA

[Seksyen 4 dan 5]

<i>Jenis Faedah</i>	<i>Formula</i>
<p>1. Pencen terbitan hendaklah dibayar atau adalah kena dibayar untuk seumur hidup—</p> <p>(a) dari tarikh yang sebaik selepas tarikh kematian pegawai dalam perkhidmatan pada atau selepas 1 Julai 1980; atau</p> <p>(b) dari tarikh sebaik selepas tarikh kematian pegawai dalam persaraan pada atau selepas 1 Julai 1980.</p>	<p><math>1/600 \times</math> bilangan bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira (tertakluk kepada tidak lebih daripada 360 bulan) <math>\times</math> gaji bersamaan yang akhir diterima; tetapi amaun pencen terbitan, sebagaimana yang diselaraskan, yang dibayar atau kena dibayar apabila pegawai itu mati dalam perkhidmatan tidaklah boleh kurang daripada <math>1/5</math> daripada gaji bersamaan yang akhir diterima oleh pegawai itu.</p>
<p>2. Jika tiada pencen terbitan dibayar atau kena dibayar di bawah perenggan 1, elaun persaraan terbitan hendaklah dibayar atau adalah kena dibayar mengikut mana-mana hal keadaan yang tersebut dalam subperenggan (a) atau (b) perenggan 1.</p>	<p>Diselaraskan berdasarkan formula yang sama seperti yang diperuntukkan berkenaan dengan subperenggan (a) dan (b) perenggan 1 tetapi terhad kepada <math>3/4</math> daripada amaun yang ditentukan dalam tiap-tiap satu hal itu.”.</p>

## Pemotongan Jadual Ketiga

8. Akta ibu dipinda dengan memotong Jadual Ketiga.

## Peruntukan kecualian dan peralihan

9. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana pegawai atau orang tanggungannya yang layak bagi penyelarasan pencen, pencen terbitan, elaun persaraan atau elaun persaraan terbitan di bawah Akta ibu sebelum 1 Januari 2009 tetapi penyelarasan itu tidak dibuat sebelum tarikh itu, pencen, pencen terbitan, elaun

persaraan atau elaun persaraan terbitan sedemikian hendaklah diselaraskan sehingga 31 Disember 2008 sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual kepada Akta ibu seolah-olah Jadual itu tidak pernah dipinda oleh Akta ini.

(2) Pencen, pencen terbitan, elaun persaraan atau elaun persaraan terbitan pegawai atau orang tanggungannya hendaklah, dari 1 Januari 2009, dikira berdasarkan Jadual sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini dan hendaklah kena dibayar mulai tarikh itu.

(3) Bagi mana-mana pegawai atau orang tanggungannya yang pencen, pencen terbitan, elaun persaraan atau elaun persaraan terbitannya telah diselaraskan sebaik sebelum 1 Januari 2009, pencen, pencen terbitan, elaun persaraan atau elaun persaraan terbitan itu hendaklah, dari 1 Januari 2009, dikira berdasarkan Jadual sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini dan hendaklah kena dibayar mulai tarikh itu.

(4) Dalam hal penghapusan kehendak pemastautinan di Malaysia, pemberian atau penyelarasan pencen, pencen terbitan, elaun persaraan atau elaun persaraan terbitan sebelum 1 Januari 2008 hendaklah berdasarkan Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini dan pemberian atau penyelarasan pencen, pencen terbitan, elaun persaraan atau elaun persaraan terbitan itu hendaklah berdasarkan pindaan yang dibuat kepada Akta ibu oleh Akta ini hanya mulai 1 Januari 2008 dan hendaklah kena dibayar mulai tarikh itu.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Penyelarasan Pencen 1980 (“Akta 238”) untuk mengadakan peruntukan bagi penghapusan kehendak pemastautinan di Malaysia bagi pemberian atau penyelarasan pencen, pencen terbitan, elaun persaraan atau elaun persaraan terbitan, peningkatan perkhidmatan yang boleh dimasuk kira daripada dua puluh lima tahun kepada tiga puluh tahun, dan penghapusan penyusutan pencen terbitan atau elaun persaraan terbitan kepada tujuh puluh peratus selepas tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraan seseorang pegawai atau tarikh sebaik selepas tarikh kematian pegawai dalam perkhidmatan, semuanya bagi penambahbaikan faedah pencen bagi pegawai.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 1 Akta 238 untuk menghapuskan kehendak pemastautinan di Malaysia bagi pemberian atau penyelarasan pencen, pencen terbitan, elaun persaraan atau elaun persaraan terbitan.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk memotong takrif “bermastautin di Malaysia” untuk menghapuskan kehendak pemastautinan di Malaysia.
5. *Fasal 4* dan *5* masing-masing bertujuan untuk meminda subseksyen 4(3) dan seksyen 5 Akta 238 berbangkit daripada penggantian Jadual Kedua dan pemotongan Jadual Ketiga.
6. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta 238 berbangkit daripada peningkatan yang dicadangkan bagi perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira daripada dua puluh lima tahun kepada tiga puluh tahun sementara penggantian Jadual Kedua dalam *fasal 7*, antara lainnya, juga berhubung dengan perkara yang sama.
7. *Fasal 8* bertujuan untuk memotong Jadual Ketiga kepada Akta 238 berbangkit daripada peningkatan yang dicadangkan bagi perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira daripada dua puluh lima tahun kepada tiga puluh tahun dan penghapusan yang dicadangkan bagi penyusutan pencen terbitan atau elaun persaraan terbitan kepada tujuh puluh peratus selepas tamat tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraan pegawai atau tarikh sebaik selepas tarikh kematian pegawai dalam perkhidmatan.
8. *Fasal 9* memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan. *Subfasal (1)* berhubung dengan hal seseorang pegawai atau orang tanggungannya yang layak bagi penyelarasan pencen, pencen terbitan, elaun persaraan atau elaun persaraan terbitan di bawah Akta 238 sebelum 1 Januari 2009 tetapi peyelarasan itu tidak dibuat. *Subfasal (2)* berhubung dengan pengiraan pencen, pencen terbitan, elaun persaraan atau elaun persaraan terbitan pegawai atau orang tanggungannya mulai 1 Januari 2009. *Subfasal (3)* menetapkan pengiraan pencen, pencen terbitan, elaun persaraan atau elaun persaraan terbitan pegawai atau orang tanggungannya mulai 1 Januari 2009 sekiranya pencen, pencen terbitan, elaun persaraan atau elaun persaraan terbitan itu telah diselaraskan sebaik sebelum 1 Januari 2009. Berhubung dengan penghapusan kehendak pemastautinan di Malaysia, pemberian atau penyelarasan pencen, pencen terbitan, elaun persaraan atau elaun persaraan terbitan dan pembayarannya dijelaskan dalam *subfasal (4)*.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya` belum dapat ditentukan sekarang.

[PN(U<sup>2</sup>)2658]